



	<p align="center">KENYATAAN / SIARAN AKHBAR</p> <p align="center">Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya Tel: 03-8887 7347 Faks: 03-8881 1008</p>
---	---

**PEMENANG-PEMENANG PERTANDINGAN FOTOGRAFI PELANCONGAN
PUTRAJAYA 2019 BAWA PULANG HADIAH RM20,000**

PUTRAJAYA, 31 Oktober 2019- Perbadanan Putrajaya (PPj) umum pemenang-pemenang Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2019 pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2019 (PFPP 2019) bertempat di Dewan Persidangan Kompleks PPj, Presint 3 Putrajaya.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim. Turut hadir Naib Presiden Jabatan Audit dan Kualiti Asurans PPj, YBhg. Dato' Haji Rogazat bin Abdullah.

Pertandingan ini bermula pada 1 Jun hingga 15 September 2019 berjaya menarik sebanyak 1,117 penyertaan. Pertandingan pada tahun ini terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Taman-taman Putrajaya dan Kategori Sukan dan Rekreasi. Pemilihan kategori ini amat bersesuaian dengan tema Tahun Melawat Malaysia 2020 yang memfokuskan kepada eko pelancongan, seni dan budaya. Buat pertama kalinya pertandingan pada tahun ini dibuka kepada pelajar sekolah.

Johan pertandingan bagi kategori terbuka akan membawa pulang wang tunai bernilai RM4,000, manakala bagi naib johan membawa pulang wang tunai RM2,000, tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM1,000 dan lima pemenang sugu hati pula membawa pulang RM200 setiap seorang.

Hadiah bagi penyertaan sekolah pula, johan pertandingan bagi setiap kategori akan membawa pulang wang tunai bernilai RM500, manakala bagi naib johan membawa pulang wang tunai RM350, tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM200 dan lima pemenang sugu hati pula membawa pulang RM100 seorang. Hadiah bagi

sekolah yang paling banyak menghantar penyertaan membawa pulang wang tunai bernilai RM1,000. Jumlah hadiah keseluruhan adalah sebanyak RM20,000.

PFPP 2019 merupakan salah satu inisiatif PPj dalam mempromosikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan utama negara dengan memperkenalkan keindahan Putrajaya melalui medium fotografi.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2019, sila hubungi Pegawai Media, En. Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887 7347 atau 019-3354346.



(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)
Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 31 Oktober 2019